



SIARAN MEDIA
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

BILANGAN 2 - 5 / 2018

**PENGENAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN PADA KADAR SIFAR
BERKUATKUASA 1 JUN 2018**

1. Kerajaan telah menetapkan bahawa bekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta barang dan perkhidmatan yang diimport yang dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax – GST) pada kadar standard 6% akan dikenakan GST pada kadar sifar (0%) berkuatkuasa 1 Jun 2018 dan terpakai di seluruh negara sehingga dimaklumkan kelak.
2. Semua peniaga yang berdaftar GST perlu mematuhi penetapan pengenaan kadar sifar ini. Peniaga-peniaga dikehendaki manyalurkan penjimatan daripada **kadar standard 6% kepada kadar sifar (0%)** kepada pengguna dalam bentuk **harga yang lebih rendah**.
3. Peniaga-peniaga diseru untuk tidak mengeksploitasi hasrat kerajaan untuk menurunkan harga dan seterusnya memberi manfaat kepada pengguna.
4. Kerajaan juga **tidak melaksanakan SST** (Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan) bermula pada 1 Jun 2018 dan tarikh sebenar **pelaksanaan SST akan diumumkan kemudian**. Oleh yang demikian, semua peniaga hendaklah melaksanakan penurunan harga barang dan perkhidmatan berikutan barang dan perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 6% akan disifarkan mulai 1 Jun 2018.
5. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang tegas bagi memastikan harga barang dan perkhidmatan yang ditetapkan adalah mematuhi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.
6. Peniaga boleh merujuk kepada **soalan lazim** berkaitan **tempoh peralihan (transitional) 6% kepada kadar sifar (0%)** yang telah dimuatnaik di laman web www.customs.gov.my dan portal gst.customs.gov.my .

Sekian, terima kasih.

###

DATO' SRI SUBROMANIAM THOLASY
KETUA PENGARAH KASTAM
27 MEI 2018